

TPM pantau prestasi 6 menteri dari Perak

zahidhamidi.com

August 6, 2015

By Admin

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi akan pantau prestasi 6 menteri dari Perak

Berucap pada Majlis Makan Malam bersama pemimpin dan ahli Barisan Nasional Perak di kediaman rasmi Menteri Besar, Ipoh, Perak, Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mengingatkan mereka yang memegang jawatan penting di peringkat persekutuan supaya tidak menggunakannya bagi kepentingan diri sendiri. Menteri dari Perak seharusnya menggunakan kedudukan mereka untuk membawa pembangunan ke negeri itu untuk menjadikan Perak antara negeri termaju di Malaysia.

Beliau menyatakan akan memantau prestasi enam menteri penuh yang berasal dari Perak dan komitmen mereka untuk membangunkan negeri ini semasa mereka memegang jawatan berkenaan kerana tidak munasabah jika mereka yang dilantik menganggotai pentadbiran di peringkat nasional gagal membawa pembangunan ke negeri tersebut. Beliau juga menegaskan bahawa beliau tidak akan berkompromi dengan media yang memutar belitkan berita. Tindakan tegas tanpa amaran akan diambil terhadap mereka.

“Saya tidak ada kuasa tapi saya perhatikan kalau ada maklum balas daripada tuan-tuan dan puan-puan, jika terdapat salah seorang daripada mereka tidak membawa pembangunan bagi tahu saya,” katanya di majlis tersebut.

“Saya dah berjanji kepada diri saya dan Sultan Perak bahawa titah Tuanku untuk melihat anak Perak di peringkat nasional mesti bantu negeri asal dari segi pembangunan menjadi realiti, Dimana bumi dipijak disitu langit di junjung” katanya lagi.

Menteri yang dimaksudkan untuk membawa pembangunan di Perak adalah Datuk Seri Ong Ka Chuan yang memegang jawatan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Menteri

Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Hamzah Zainudin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Mah Siew Keong dan juga Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Kira-kira 2,000 orang telah hadir ke program ini yang diadakan di kediaman rasmi Menteri Besar di Ipoh Perak.

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Blog at WordPress.com.

Source: <http://zahidhamidi.com/2015/08/06/zahid-hamidi-pantau-6-menteri-perak/>